

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA MENJUNJUNG KASIH
TITAH DIRAJA KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG XVII**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merafak sembah menjunjung kasih atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar sempena pembukaan penggal ketiga, Parlimen Kelima Belas pada 26 Februari 2024 yang turut menyentuh beberapa perkara yang melibatkan bidang pendidikan.

KPM sentiasa proaktif dalam memastikan Bahasa Kebangsaan dimartabatkan menerusi aktiviti dalam dan luar bilik darjah. Melalui bahasa ini, semangat perpaduan dapat dipupuk dalam kalangan murid sejak daripada peringkat prasekolah hingga ke peringkat menengah.

KPM juga memanfaatkan teknologi dan digital secara berterusan bagi meningkatkan kualiti pendidikan negara. Dasar Pendidikan Digital (DPD) dirangka bertujuan melahirkan generasi fasih digital yang berdaya saing dan berupaya mengguna pakai teknologi untuk pembelajaran serta memanfaatkan inovasi digital di sekolah atau di mana sahaja.

Selaras dengan perjanjian Malaysia 1963, KPM komited dalam meneruskan rundingan dengan kerajaan negeri Sabah dan Sarawak dalam memastikan pendidikan di kedua-dua negeri tersebut dapat terus ditingkatkan untuk manfaat semua warga pendidikan.

Bagi melahirkan murid yang berkemahiran tinggi dan dapat memenuhi keperluan industri dan negara, KPM akan terus memperkasa bidang STEM dan TVET, malah KPM juga telah menyediakan Kerangka Kurikulum Persekolahan 2027 yang selari dengan hasrat tersebut.

Seiring dengan usaha merancakkan pertumbuhan ekonomi dan seterusnya membantu dalam mengurangkan bebanan ibu bapa, pelbagai bentuk bantuan persekolahan telah disediakan kepada murid oleh KPM termasuklah Bantuan Awal Persekolahan (BAP), Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dan Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM).

Dalam usaha meningkatkan kecekapan dan prinsip kerja berintegriti, pendidikan karakter dan manusiawi turut diberikan perhatian di samping penekanan kepada aspek karamah insaniah bagi memastikan generasi akan datang mempunyai akhlak, berintegriti dan mempunyai jati diri yang kukuh bagi memenuhi aspirasi nasional.

Menyedari kepentingan pendidikan bagi setiap warganegara tanpa mengira taraf ekonomi, etnik atau latar belakang, KPM telah melaksanakan langkah awal dalam menyelaras pendidikan prasekolah di Malaysia agar isu keciciran ditangani dari peringkat awal

KPM akan terus berusaha untuk memastikan saranan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dilaksanakan demi penambahbaikan pendidikan negara dan kesejahteraan rakyat Malaysia.

-TAMAT-

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
29 FEBRUARI 2024